



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

24 DISEMBER 2024 (SELASA)

Cari bekalan lembu korban sampai ke Perak

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Utusan Malaysia	Dalam Negeri	34	24 Dis



TERNAKAN lembu yang diusahakan Mohammad Afiqzul Mohammad Azri di Kampung Sungai Tiang Darat di Bagan Datuk, Perak. - UTUSAN/AIN SAFRE BIDIN

Cari bekalan lembu korban sampai ke Perak

Oleh AIN SAFRE BIDIN
utusannews@mediamula.com.my

BAGAN DATUK: Banjir di Kelantan dan Terengganu yang menjejaskan ternakan lembu di negeri itu menyebabkan pembekal haiwan tersebut terpaksa membuat tempahan daripada penternak di Perak.

Langkah itu sebagai persediaan awal bagi memenuhi permintaan tinggi menjelang Hari Raya Aidiladha nanti untuk menjalani ibadah korban.

Seorang penternak lembu di Kampung Sungai Tiang Darat di sini, Mohammad Afiqzul Mohammad Azri, 32, berkata, walaupun hari raya korban disambut pada Jun depan, dia sudah mula menerima tempahan untuk lembu korban.

"Saya tak sangka ada pembekal dari Kelantan dan Terengganu yang membuat tempahan lembu korban. Mereka bukan pelanggan tetap saya cuma mereka mengetahui saya membela lembu daripada kawan-kawan.

"Mereka kata banyak lembu ternakan yang mati akibat banjir di kedua-dua negeri itu dan keadaan itu mungkin menyebabkan bekalan untuk lem-

bu korban terjejas, jadi mereka mencari bekalan lembu hingga ke negeri ini.

"Saya akan cuba membekalkan tempahan yang dibuat dan diharap ini dapat membantu pembekal di kedua-dua negeri terjejas banjir mendapat bekalan yang mencukupi untuk ibadah korban," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Sementara itu, seorang pembekal lembu dari Pasir Mas, Kelantan, Mohamad Nordin Mat Desa, 67, berkata, dia membuat tempahan awal bagi memastikan pelanggan memperoleh tempahan yang dibuat untuk Aidiladha nanti.

"Kalau ikutkan Aidiladha memang lambat lagi tetapi saya awal-awal lagi mencari penternak yang boleh membekalkan lembu untuk korban pada Jun depan.

"Saya sudah menerima tempahan daripada penduduk di Kelantan dan saya berusaha memenuhi tempahan mereka dengan memastikan bekalan mencukupi sehingga sanggup datang ke sini.

"Permintaan lembu untuk korban kali ini agak tinggi, setakat ini sudah mencecah sehingga 80 ekor," katanya.

Cari bekalan lembu korban sampai ke Perak

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Utusan Malaysia	Dalam Negeri	33	24 Dis

15 tahun hadap isu ternakan berkeliaran


DUNGUN: Penduduk dan pengguna jalan raya di beberapa buah kampung di Hulu Dungun, di sini mahu pihak berkuasa menangani isu ternakan yang berkeliaran di jalan raya di kawasan tersebut sehingga mengundang risiko keselamatan mereka.

Tinjauan di beberapa buah kampung termasuk Kampung Tepus, Kampung Kuala Jengai, Kampung Rantau Panjang dan Kampung Jongok Batu mendapati, sesetengah penternak hanya melepas dan membiarkan ternakan kerbau serta lembu mereka bebas meragut rumput di situ.

Situasi itu turut mengganggu pengguna jalan raya apabila kumpulan haiwan berkenaan berkeliaran dan tidur di atas jalan raya hingga menyebabkan jalan raya dikotori najis.

Seorang penduduk Kampung Jongok Batu, Aisya Shahida Mohamad, 25, berkata, masalah ternakan yang dibiarkan bebas itu telah berlarutan sejak lebih 15 tahun di beberapa kampung di Hulu Dungun, namun sehingga kini belum ada jalan penyelesaian.

"Isu ini telah lama berlaku, bukan hanya kawasan kampung yang kotor, malah kehadiran haiwan ini turut menyebabkan berlaku kemalangan jalan raya sebelum ini.



SEKUMPULAN lembu dibiarkan berkeliaran di jalan raya ketika tinjauan di beberapa buah kampung di Hulu Dungun, Terengganu. - UTUSAN/NIK NUR IZZATUL HAZWANI NIK ADNAN

"Kadangkala di pekarangan rumah dan premis kedai dipecah najis lembu. Keadaan ini kurang menyenangkan dengan keadaan kotor dan berbau," katanya kepada *Utusan Malaysia*, semalam.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung Kuala Jengai, Che Ku Rahimi Che Ku Mat Salleh berkata, pengurusan kampung dan polis telah melakukan pelbagai usaha termasuk mengadakan pertemuan dengan

penternak awal tahun lalu, namun situasi itu tetap berlaku.

"Mereka hanya berubah untuk beberapa bulan dan selepas itu kembali melepaskan haiwan.

"Kadangkala ada rumah penduduk yang tidak berpagar, haiwan ini mengganggu tong sampah penduduk. Kalau musim banjir dan hujan pula, lagi banyak haiwan yang berkeliaran di jalan raya sebab kawasan ragut basah dan ada yang dinaiki air," katanya.

Bagi seorang penjawat awam, Aimuni Najiha Adnan, 32, dia

yang berulang-alik dari Kampung Jerangau ke Kampung Pasir Raja sejak enam tahun lalu, pernah terlibat dalam kemalangan selepas seekor kerbau tiba-tiba melintas jalan menyebabkannya tidak sempat membrek kenderaannya.

"Kedegilan penternak menyusahkan ramai pihak termasuk pengguna jalan raya. Hulu Dungun ini banyak lokasi yang terkenal dengan kawasan pelancongan. Situasi ini boleh menjejaskan imej," katanya.

'Dogs don't make clean cuts'

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
The Star	Nation	10	24 Dis

'Dogs don't make clean cuts'

Activists: Cats would have had puncture wounds, not severed limbs

By CHARLES RAMENDRAN
charles.ramen@thestar.com.my

PETALING JAYA: Is there a deranged cat killer targeting felines at the Universiti Malaya (UM) campus?

Animal rights activists believe so after two mysterious deaths involving cats at the compound of UM last week and the gruesome manner in which they were killed.

The cats were found dead with their limbs dismembered.

Police have said that the cats were attacked by wild dogs but the activists are not biting.

Instead, lawyer Rajesh Nagarajan of Lawyers for Animal Rights said yesterday he strongly believes there is a "psychopath" lurking at the UM campus and viciously killing the cats.

He said a private veterinarian who examined one of the dead cats had stated in a medical report that the limbs were severed in a manner which indicated it was done with a sharp weapon.

"How then could the police conclude the cats were killed by wild dogs? Was a post-mortem conducted on the corpses by DVS (Veterinary Services Department)?"

"The manner in which the cats



A clean cut:
Rajesh showing an X-ray of one of the mauled cats as Dr Kartini Farah looks on during the press conference in Petaling Jaya.
— MUHAMAD SHAHRIL ROSLI/The Star

were dismembered shows it was not an attack by dogs.

"We have X-rays and the medical report and we urge police to investigate the case again and prove us wrong.

"If this is the work of a psychopath, we are concerned about the safety of students and staff of UM apart from that of stray animals," he told a press conference at his law firm here.

Rajesh also took to task the Animal Welfare Board for allegedly

failing to carry out its responsibilities of safeguarding the animals.

Dermatologist Dr Kartini Farah Rahim, who was at the press conference, pointed out that the wounds inflicted on the dead cats were not what one would expect from a dog attack.

"When dogs attack, they normally go for the neck or abdomen.

"However, in this case, the dismembering of the limbs of cats at their joints were clean cuts and

there were no signs of puncture or tear wounds," said Dr Kartini Farah, also an animal rights activist.

Another activist, Shima Aris, said she learnt that there had been an undisclosed number of cat-killing cases at the campus in the past months, and the remains of the animals were buried in the compound.

In the latest case, she said several undergraduates had reached out to her before handing her the

carcass of a cat on Friday.

Shima said she sought the help of a private veterinarian to determine the cause of its death.

She added that although the cat, fondly known as Lily, was a stray, it was fed and cared for by UM students and staff.

"Lily was loved by all at the campus and they are saddened by what happened.

"We urge police, DVS and UM to take this seriously and catch the culprit," she said.

Shima said that about two dozen cats had been rescued from the campus and sent to shelters and estimated that there are 50 stray cats and about 10 dogs at the UM campus.

Many of them are believed to have been abandoned at a nearby jungle by their owners.

On Sunday, Kuala Lumpur police chief Datuk Rusdi Mohd Isa said investigators had concluded that stray dogs were behind the death of the cats, based on a close-circuit camera footage.

WATCH THE
VIDEO
TheStarTV.com



TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR